

NO. SOALAN : 280

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan, pencapaian dan kelemahan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

JAWAPAN:

- I. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang diterima oleh UPE, JPM bagi RMKe-10 adalah sebanyak RM16.354 bilion. Pecahan peruntukan yang diterima mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan DE RM juta	Perbelanjaan RM juta	%
2011	6,147 *	6,042	98.3
2012	2,103	2,070	98.4
2013	3,040	2,959	97.3
2014	2,286	2,254	98.6
2015	2,778	1,531 **	54.9

*** perbelanjaan sehingga 15 Jun 2015*

Untuk makluman, peruntukan UPE, JPM lebih tinggi pada tahun 2011 adalah disebabkan peruntukan bagi projek-projek di bawah inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) diletakkan di bawah UPE, JPM. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2012, peruntukan bagi projek-projek NKEA telah diagihkan kepada kementerian-kementerian berkaitan.

II. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pelbagai pencapaian telah diraih oleh UPE, JPM terutama dalam tempoh pelaksanaan RMKe-10. Antara pencapaian tersebut adalah seperti berikut:

1. Sejak UPE, JPM ditubuhkan pada tahun 1956, UPE, JPM telah berjaya menyediakan sebanyak tiga (3) Rangka Rancangan Jangka Panjang, 13 Rancangan Malaysia dan tujuh (7) Kajian Separuh Penggal. Dokumen rancangan pembangunan yang telah dirangka adalah menyeluruh dan menggambarkan hasrat Kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara, memajukan kawasan bandar dan luar bandar, menangani isu kemiskinan dan ketidaksaksamaan serta memelihara kesejahteraan hidup rakyat dan mengekalkan perpaduan antara kaum.
2. Pelbagai negara melalui agensi perancang pembangunan mereka telah mendapatkan bantuan dan panduan daripada UPE, JPM tentang cara dan mekanisme perancangan pembangunan yang diguna pakai di negara ini. Ini adalah kerana mekanisme perancangan UPE merupakan satu mekanisme yang sistematik dengan pendekatan unik yang melibatkan libat urus (*engagement*) bersama pelbagai pihak yang berkepentingan dalam pembangunan, termasuk Kementerian dan agensi Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil. Ia juga bersifat anjal dan boleh diguna pakai dalam semua situasi ekonomi termasuk situasi krisis. Ini adalah untuk menentukan liputan sesebuah pelan rancangan yang digubal menyeluruh, bersepadu serta boleh diterima dan dilaksanakan. Contohnya, RMKe-11 digubal berdasarkan antara lain maklum balas yang diterima dari sesi libat

urus bersama hampir 6,000 wakil dari pelbagai sektor ekonomi dan lapisan masyarakat.

3. Di samping itu, setiap rancangan pembangunan dipadankan dengan peruntukan pembangunan yang setimpal. Peruntukan pembangunan dalam setiap rancangan ditetapkan berdasarkan keperluan dan keutamaan negara semasa serta kedudukan kewangan Kerajaan.
4. Pencapaian negara dalam kemajuan ekonomi sehingga mengukir nama di mata dunia boleh dijadikan kayu pengukur bagi pencapaian UPE, JPM. Sejak dari tahun 1970 hingga 2014, Malaysia merupakan antara negara terbaik di dunia dalam pencapaian pertumbuhan ekonomi dengan pertumbuhan stabil pada kadar purata 6.2% setahun. Walaupun saiz ekonominya kecil, negara ini telah berjaya menjadi pengeksport ke-25 terbesar dari 223 negara. Malaysia juga merupakan negara ke-12 paling berdaya saing daripada 60 negara dalam *World Competitiveness Yearbook 2014*. Manakala dalam *Global Competitiveness Report 2014-2015* pula, negara telah mendapat kedudukan ke-20 daripada 144 buah negara.
5. Dari sudut pembangunan modal insan, Malaysia telah mencatatkan pencapaian yang cemerlang dalam tempoh RMKe-10. UPE, JPM telah menerajui langkah-langkah untuk memperbaiki pasaran tenaga kerja, menambahbaik (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) TVET sebagai bidang pilihan, mempromosi pembelajaran sepanjang hayat menerusi

peningkatan dan kepelbagaian kemahiran serta memperbaiki penyampaian pendidikan.

6. Indikator pencapaian secara tidak langsung adalah pertumbuhan tenaga kerja sebanyak 2.7% sepanjang RMKe-10 yang disumbangkan sebahagian besar oleh peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja daripada 46.8% pada tahun 2010 kepada 55% pada tahun 2015. Peningkatan kadar guna tenaga yang tinggi pada kadar 2.8% telah menyumbang kepada penurunan dalam kadar pengangguran daripada 3.3% pada tahun 2010 kepada 2.9% pada tahun 2015.
7. UPE, JPM juga telah mengarusperdana dan memperluaskan akses ke TVET untuk dilaksanakan di bawah RMKe-11 bagi memenuhi keperluan industri ke atas tenaga kerja mahir dan menambahbaik persepsi awam terhadap aliran TVET yang menyediakan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Hasil inisiatif ini, pengambilan pelajar lepasan SPM ke aliran TVET bertambah daripada 113,000 pada tahun 2010 kepada 164,000 pada tahun 2013.
8. Dari sudut perkhidmatan sosial, UPE, JPM telah menerajui perancangan bagi hala tuju negara dalam tempoh RMKe-10. Hasilnya secara tidak langsung dapat dilihat dalam aspek kesejahteraan rakyat yang telah dipertingkatkan melalui tumpuan berterusan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan, keselamatan awam, penyediaan perumahan mampu milik, integrasi sosial, dan pembangunan sukan.

9. Hasil daripada inisiatif tersebut, kesejahteraan rakyat bertambah baik sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) keseluruhan meningkat 25.4 mata antara tahun 2000 dan 2012. Dalam sektor kesihatan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan telah dipertingkatkan melalui pembinaan hospital baharu termasuk institusi perubatan khusus seperti Institut Kanser Negara di Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras. Selain itu, Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia telah ditambah bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mampu dibiayai oleh isi rumah berpendapatan rendah.

10. Bagi memenuhi keperluan perumahan mampu milik untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, UPE, JPM juga telah menerajui pelbagai inisiatif antaranya penyediaan bantuan pembiayaan kepada pembeli rumah, dan memperkemas rangka kerja kawal selia untuk memudahkan pemilikan rumah. Ini termasuklah penyediaan perumahan mampu milik bagi isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di kawasan bandar dan luar bandar yang dilaksanakan melalui program seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M).

11. Bagi sektor pertanian, UPE, JPM telah menggubal dokumen Dasar Agromakanan Negara (DAN) dan Dasar Komoditi Negara (DKN) (2011-2020) dan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2012. Susulan daripada kelulusan tersebut, UPE, JPM yang menganggotai Jawatankuasa Pemandu telah

melaksanakan kajian semula DAN dan DKN pada Mei 2015. Kajian tersebut yang mengambil masa selama enam (6) bulan dijangka dapat memberikan hala tuju baharu kaedah pelaksanaan dan program bersesuaian untuk memastikan sasaran DKN tercapai menjelang tahun 2020.

12. Selain itu, satu (1) model ekonometrik bagi sektor pertanian telah dibangunkan pada tahun 2012 dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Pendekatan ekonometrik ini dapat membantu perancangan sektor pertanian yang lebih holistik.
13. Bagi sektor pengangkutan, UPE, JPM telah memberi tumpuan kepada pembangunan serta naik taraf jalan, rel, lapangan terbang dan pelabuhan. Projek-projek ini telah menambahbaik ketersambungan, meningkatkan kelancaran mobiliti penumpang dan barangan serta menyediakan platform bagi logistik dan fasilitasi perdagangan.
14. Penyediaan peruntukan bagi bekalan air adalah bertujuan untuk menambahbaik perkhidmatan bekalan air serta menjamin keselamatan bekalan. Peruntukan tersebut telah digunakan untuk melaksanakan Skim Mitigasi Bekalan Air Bagi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Skim ini telah bermula pada awal tahun 2014 dan keseluruhan pakej projek dijangka siap pada penghujung tahun 2015. Skim mitigasi ini dilaksanakan bagi mengurangkan impak krisis air di Lembah Klang di mana pertambahan kapasiti bekalan sebanyak 435 juta liter sehari. Kerajaan juga telah meluluskan projek naik taraf Loji Rawatan Air (LRA) Batu Kitang di Kuching dan LRA

Kulim Hi-Tech bagi menampung permintaan yang semakin meningkat di Kuching dan kawasan sekitar Taman Teknologi Tinggi Kulim.

15. Antara projek di bawah sektor infrastruktur yang disiapkan sehingga tahun 2014 adalah seperti berikut:

- i. Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Sandakan;
- ii. Projek Membina Dan Menaiktaraf Jalan Lingkaran Pulau Indah (Fasa 1b & Fasa 2); dan
- iii. Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2.

16. Selain itu, pelbagai kajian berkaitan sektor pengangkutan telah dan sedang dilaksanakan. Kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kajian *National Transport Strategy* oleh World Bank;
- ii. Kajian Kemungkinan Pembangunan Jeti Kuala Kedah & Kuala Perlis oleh Institut Maritim Malaysia (MIMA);
- iii. Kajian Cadangan Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Utara Malaysia oleh KPMG; dan
- iv. Kajian Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu di WP Putrajaya dan Cyberjaya yang masih dalam peringkat pelantikan perunding.

17. Dari aspek pembangunan ICT, UPE, JPM telah merancang, menyediakan peruntukan dan pemantauan bagi pembangunan infrastruktur digital iaitu *High Speed Broadband* dan *Broadband*

for General Population ke seluruh negara. Dengan pelaksanaan pembangunan industri tersebut, ia secara tidak langsung telah mewujudkan pekerjaan sebanyak 779,500 pada tahun 2013.

18. Selain itu, pembangunan industri tersebut dianggarkan menyumbang 16.8% kepada KDNK pada tahun 2015. Anggaran eksport bersih industri tersebut adalah sebanyak RM45.3 bilion pada tahun 2015.
19. Merujuk kepada isu-isu alam sekitar, UPE, JPM telah menjalankan *Baseline Study on Government Policies, Institutions and Practices* bagi inisiatif *Sustainable Consumption and Production* (SCP) di Malaysia dan diterbitkan pada Januari 2013. *Baseline study* tersebut mengandungi senarai dasar, polisi dan perundangan sedia ada yang berkaitan dengan SCP.
20. Portal SCP telah dibangunkan di alamat <http://www.scpmalaysia.gov.my/>. Laman web *Sustainable Consumption and Production* (SCP) adalah merupakan laman web rasmi untuk berita dan maklumat berkenaan SCP di Malaysia. Sehingga 2 Jun 2015, sebanyak 176,588 hits telah dicatatkan di laman portal tersebut. SCP Malaysia dibiayai oleh Kesatuan Eropah dan SEASSA, UPE, JPM merupakan *focal point* bagi projek tersebut. Laman web ini akan dapat memberi satu pemahaman yang menyeluruh berkenaan corak penggunaan dan pengeluaran mampan yang akan dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat.

21. Manakala bagi suku pertama tahun 2015, Kajian *Blueprint Sustainable Consumption and Production-Policy Support Malaysia* (SCP Malaysia) telah memasuki peringkat akhir dan akan dimuktamadkan pada Oktober 2015. Maklumat daripada draf blueprint tersebut telah digunakan sebagai input kepada penyediaan dokumen RMKe-11 (Bab 6). SCP merupakan salah satu mekanisme untuk merangsang pembangunan mampan dan pertumbuhan hijau serta untuk mengurangkan impak terhadap perubahan iklim seperti yang dijelaskan dalam Bab 6 tersebut.

22. Bagi perkembangan industri perkhidmatan, antara *output* yang dikeluarkan adalah Dokumen Awam dan Pelan Tindakan *Services Sector Blueprint* serta Dokumen Awam Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2015. Selain itu, UPE, JPM juga telah melaksanakan beberapa kajian seperti berikut:

- i. Kajian *Study- Assessing Market Conducts That Impede Competition In Malaysia;*
- ii. Kajian *Logistics and Trade Facilitation Masterplan;* dan
- iii. Kajian *Developing An Empirical and Diagnostic Base To Support Strategic Planning for The Freight Logistics Industry.*

23. Selain itu, UPE, JPM juga terlibat dalam 20 program/projek yang dilaksanakan di bawah program kerjasama teknikal Kerajaan Malaysia- United Nations Development Programme (UNDP) menerusi *Country Programme Action Plan 2013-2015* dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama iaitu *Addressing*

Inclusive Growth, Strengthening Climate Resilient Development dan Promoting the Global Partnership for Development.

24. Sebanyak 11 program dilaksanakan meliputi bidang tumpuan kepada isu kanak-kanak di bawah program kerjasama teknikal Kerajaan Malaysia- United Nations Children's Fund (UNICEF) menerusi *Country Programme Action Plan 2011 -2015*.
25. Sebanyak 8 projek dijalankan di bawah program kerjasama teknikal Kerajaan Malaysia- United Nations Population Fund (UNFPA) melalui *Country Programme Action Plan (CPAP)* yang dimuktamadkan dan ditandatangani bagi tempoh 2013-2017.
26. Di samping itu, UPE, JPM juga memainkan peranan sebagai *Urus Setia Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN)* dan *Majlis Ekonomi (EC)*. Bagi tahun 2014, sebanyak 41 kertas pembentangan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JPPN di mana sebanyak 35 isu telah diselesaikan dan sebanyak 40 keputusan dasar telah dibuat dalam mesyuarat tersebut. Manakala bagi suku pertama tahun 2015, sebanyak 14 kertas pembentangan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JPPN dengan 14 keputusan dasar telah dibuat di samping 14 isu dapat diselesaikan.
27. Selain itu, bagi pelaksanaan Mesyuarat EC, sebanyak 31 mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun 2014 dengan 182 isu dapat diselesaikan dalam mesyuarat tersebut. Manakala bagi

suku pertama tahun 2015, Mesyuarat EC telah diadakan sebanyak lapan (8) kali dengan 55 isu telah diselesaikan.

III. Untuk makluman Yang Berhormat juga, UPE, JPM telah mengenalpasti kelemahan dan cadangan penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan tersebut.

1. Isu Dasar Monetari dan Kewangan

Sebagai sebuah badan perancang pembangunan ekonomi negara, fokus UPE, JPM adalah lebih bertumpu kepada sektor ekonomi besar. Oleh itu, UPE, JPM kurang memberi fokus kepada isu dasar monetari dan kewangan yang terletak di bawah tanggungjawab Bank Negara Malaysia (BNM). Walau bagaimanapun, BNM memberi kerjasama yang baik dalam menyalurkan maklumat mengenai rancangan pembangunan.

2. Isu *Succession Plan*

Sebilangan pegawai yang berpengalaman di UPE, JPM akan bersara wajib di mana secara tidak langsung menyebabkan UPE, JPM kekurangan *tacit knowledge*. Walau bagaimanapun, UPE, JPM akan memastikan tempat pegawai-pegawai yang bersara ini digantikan dengan pegawai yang berkebolehan.

Sekian, terima kasih.